

Islam di Antara Kejahilan Pemeluknya, dan Kelemahan Ulamanya

(III)

Di dalam makalah ini marilah kita mengikuti suatu bahasan yang agak luas dan panjang lebar mengenai tabiat *sharī'ah Islāmiyyah* ciptaan Tuhan dan tabiat undang-undang negara ciptaan manusia, manakah di antara keduanya yang lebih sempurna dan lengkap? – Pengarang

(Terjemahan bebas oleh: Azmi)

Perbandingan di Antara Munculnya

Sharī'ah dan Undang-undang:

Di dalam makalah yang lalu kita telah mengetahui perbezaan di antara *sharī'ah Islāmiyyah* yang diturunkan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* dengan undang-undang dunia yang diciptakan oleh manusia. Di antara keduanya didapati perbezaan yang jauh sekali, sebagaimana jauhnya di antara bumi dan langit.

Telah kita terangkan bahawa *sharī'ah Islāmiyyah* itu diturunkan bukan khas untuk sesuatu zaman, bukan untuk sesuatu waktu dan bukan pula untuk sesuatu masa, malahan ia untuk semua zaman, semua waktu dan semua masa. *Sharī'ah Islāmiyyah* diatur dan diciptakan oleh Allah *Subhānahu wa Ta'ālā*, oleh itu setiap hukum yang terkandung di dalam *sharī'ah* itu tetap tegas, tidak menerima sebarang perubahan melalui masa dan melangkah zaman. Sekalipun usianya telah lebih daripada 13 abad, namun ketegasan hukum-hukum yang termetai di dalamnya tetap teguh tak pernah berganjak dan asas-asas dasarnya tetap tidak bergoyang.

Adapun undang-undang negara adalah diciptakan oleh segolongan manusia yang

kepintaran akal, kebijaksanaan fikiran dan keluasan ilmu pengetahuannya adalah terbatas. Undang-undang ciptaan manusia itu akan meluas berkembang dengan mengikuti perkembangan-perkembangan dan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh manusia dari suatu masa ke suatu masa. Ia tidak tegas sebagaimana undang-undang *sharī'ah* ciptaan Tuhan, malahan berubah-ubah mengikuti perubahan-perubahan yang berlaku di dalam masyarakat hidup manusia. Ketika fikiran manusia bertambah maju, maka akan bertambah elok dan kemaslah kaedah sesuatu hukum yang terkandung di dalam undang-undang negara itu, kalau masyarakat segolongan manusia itu mundur, maka akan berporak-porandalah kaedah sesuatu hukum yang terkandung di dalamnya. Jadi elok tidak atau kemas tidaknya peraturan-peraturan yang dibawa oleh undang-undang negara itu kembali kepada kebolehan dan maju mundurnya akal fikiran yang ada pada peribadi manusia yang menciptakannya itu, kerana dari kepintaran akal dan ketajaman otak golongan manusia yang mengatur dan menciptakan itulah terletaknya keindahan atau kejelekan sesuatu undang-undang yang diciptakannya itu.

Walau bagaimanapun elok susunan

dan peraturan sesuatu undang-undang yang diciptakan oleh manusia itu, ia tetap terbatas penggunaannya di sekitar hajat yang diperlukan oleh sesuatu masyarakat, ia mengikuti keadaan masyarakat itu, keelokan undang-undang itu terikat kepada kemajuan yang dicapai oleh sesuatu masyarakat. Bererti kalau keadaan masyarakat itu kemas teratur, maka akan kemas dan teratur pulalah undang-undang yang diatur oleh bijak pandai yang berada di dalam masyarakat itu, kalau sesuatu masyarakat itu mundur dan kucar kacir, maka itu menandakan undang-undang yang diciptakan kurang kemas dan tidak teratur dengan rapi.

Para sarjana undang-undang mengatakan bahawa sesuatu undang-undang yang diciptakan oleh manusia itu adalah bertingkat-tingkat perkembangannya, dengan mengikuti perkembangan-perkembangan masyarakat manusia dari suatu zaman ke suatu zaman. Pada mulanya manusia hidup berasingan dengan tidak mengenal erti masyarakat di zaman batu. Kemudian manusia mulai hidup mengenal masyarakat yang dinamakan kabilah atau suku puak di zaman Jahili. Kemudian perkembangan hidup manusia dari suatu zaman ke suatu zaman menerima perubahan